

**SOALAN NO: 153****PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Bertulis****DARIPADA : Dr. Izani Bin Husin  
[ Pengkalan Chepa ]****SOALAN : Dr. Izani Bin Husin minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan:-**

apakah usaha yang diambil bagi menstabilkan harga ikan dan adakah penjualan ikan segar beku Q' Fish telah berjaya menawarkan ikan dengan harga yang berpatutan khususnya pada musim tengkujuh.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga ikan di pasaran bergantung kepada jumlah bekalan ikan di dalam negara. Dalam memastikan bekalan ikan mencukupi bagi menstabilkan harga ikan, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya seperti berikut:

- (1) Melaksanakan sekatan eksport bagi spesies ikan terpilih pada pra dan pasca perayaan serta musim tengkujuh di bawah Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia;
- (2) Menyediakan stok simpanan ikan sejuk beku bagi menampung bekalan ikan di kawasan tengah, selatan, utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia;
- (3) Menyediakan pasar nelayan dan pusat pengumpulan dan pengedaran ikan (CCDC) bagi membolehkan nelayan menjual hasil tangkapan secara terus kepada pengguna serta mengurangkan rantaian pemasaran; dan
- (4) Mengalakkan penggunaan dan pemilihan ikan segar sejuk beku (Q'Fish) sebagai alternatif kepada ikan segar basah yang sukar diperolehi semasa musim tengkujuh. Pada tahun ini, sebanyak 170 lokasi Program Jualan Sentuhan

14

Rakyat telah disertai dengan kuantiti jualan melebihi 52 metrik tan dengan nilai sebanyak RM435 ribu.

Secara amnya, harga jualan ikan segar beku Q'Fish adalah lebih rendah berbanding harga spesis ikan yang sama di pasaran, iaitu di antara 9 hingga 28 peratus. Sehubungan itu, penggunaan ikan segar beku Q'Fish sebagai alternatif kepada ikan basah secara tidak langsung dapat mengurangkan beban kos sara hidup rakyat sekaligus mengimbangi kenaikan harga ikan secara mendadak.

Perbandingan harga jualan ikan segar beku Q'Fish dan harga pasaran adalah seperti berikut :

BIL	SPESIS Q'FISH	BIL. PER BUNGKUSAN 1 KG (EKOR) Q'FISH	HARGA SILING (1 KG) Q'FISH	HARGA RUNCIT IKAN BASAH	% BEZA HARGA
1	Kembong	8-10	RM 10.00	RM14.00	28.6
2	Selar (Pelata)	8-10	RM 10.00	RM12.00	16.7
3	Pelaling	14-16	RM 9.00	RM11.00	18.2
4	Selayang	12-14	RM 9.00	RM9.00	0
5	Cencaru	6-8	RM 8.00	RM10.00	20
6	Aya (Kurik)	8-10 (keping/potong)	RM 10.00	RM12.00	16.7
7	Tilapia	5-6	RM 10.00	RM11.00	9.1
8	Keli	6-8	RM 8.00	RM8.00	0

\* Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. IZANI BIN HUSIN [ PENGKALAN DARIPADA CHEPA)**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Dr. Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedia menerima cadangan NUTP yang merayu agar surat pekeliling baharu mengenai kaedah hukuman yang dibenarkan ke atas pelajar agar ia bersesuaian dengan cabaran guru mendidik masa kini.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan pendekatan terbuka dan sentiasa mengalu-alukan pandangan dan saranan pelbagai pihak demi meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara. Urusan pengendalian kes salah laku disiplin dalam kalangan murid adalah di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Disiplin yang ditubuhkan di semua sekolah. Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan untuk melaksanakan proses siasatan serta memutuskan tindakan dan hukuman yang sewajarnya dikenakan atas kes salah laku disiplin murid.

Sebarang tindakan dan hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Disiplin Sekolah juga adalah tertakluk kepada kaedah dan peraturan yang

ditetapkan di bawah *Education (School Discipline) Regulations, 1959* serta Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa.

RT14/154